

# ورتاق فرشن

# *Warta Penerangan*



OKTOBER 2018





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
**Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.**



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad  
  
Penyelaras/Penyemak/Reka Letak  
Unit Penerbitan Melayu  
  
Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan

## Muka

Majlis Reunion Jabatan Penerangan eratkan silaturahim	5
Program Sua Muka kongsi maklumat semasa	8
Program Awasi Anak Kitani tingkat kesedaran ibu bapa	10
Sharellyn Johnny juara Kuiz ASEAN Peringkat Negara 2018	13
Program AAK Mukim Pengkalan Batu	15
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Kukuhkan kerjasama di bidang penerangan	18
Ulang tayang Lagenda Puteri Bukit Tempayan Pisang	20
Penglibatan Jabatan Penerangan dalam Hari Perkhidmatan Awam	21
Penempatan kerja bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan pada bulan ini	21
Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan	22
Poster Jualan Buku-buku Terbitan Jabatan Penerangan	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Majlis Reunion Jabatan Penerangan eratkan silaturahim

Oleh: Khartini Hamir  
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Oktober. - Majlis Reunion Warga Penerangan 2018 dihadiri lebih 100 orang warga Penerangan yang berkhidmat dengan Jabatan Penerangan dari tahun 50-an sehingga masa kini yang berlangsung di Tarindak D'Seni.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman juga merupakan Mantan Pengarah Penerangan.

Juga hadir, Mantan-mantan Pengarah Penerangan yang lain iaitu Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah; Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin bin Pengiran Haji Ghani; Abdul Ghani bin Pengiran Haji Metusin; Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dan Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

‘Beurung-urung Menggeratkan Silaturahim’ merupakan tema pada majlis tersebut bertujuan sebagai jambatan untuk mengeratkan dan menjalin hubungan silaturahim dalam kalangan warga Penerangan dahulu dan sekarang, selain sebagai ‘medium’ bagi warga Penerangan untuk berinteraksi, bertukar-tukar pendapat, pandangan dan maklumat yang berguna serta ilmu-ilmu yang bermanfaat yang dapat dikongsi bersama.

Menurut Awang Haji Dayang bin Haji Kassim dalam ucapan mukadimahnya, pertemuan yang buat julung kalinya dianjurkan ini antara lain bermatlamat untuk menghimpunkan semua warga Penerangan yang sudah berpencen, bertukar, berpindah serta warga Penerangan yang masih berkhidmat ketika ini dalam menjalankan lagi hubungan silaturahim yang lebih akrab dan saling bertukar-tukar idea, pandangan dan maklumat.



ANTARA yang hadir ke Majlis Reunion Warga Penerangan 2018 ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, juga merupakan Mantan Pengarah Penerangan.



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menyampaikan cenderamata kepada salah seorang mantan warga Penerangan.**



**AWANG Haji Dayang bin Haji Kassim ketika memberikan ucapan mukadimah semasa Majlis Reunion Warga Penerangan 2018.**



**AWANG Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar ketika menyampaikan ucapan warga Penerangan sebelum merdeka.**



**AWANG Bolhassan bin Haji Abu Bakar ketika menyampaikan ucapan warga Penerangan selepas merdeka.**



**BERKESEMPATAN bergambar ramai semasa Majlis Reunion Warga Penerangan 2018.**

“Untuk makluman semua juga Jawatankuasa *Ad hoc* Majlis Reunion Warga Penerangan telah pun sepakat untuk mendermakan jumlah kutipan majlis ini kepada Tabung Pembinaan Masjid, dari itu mohon perkara ini mendapat keikhlasan daripada abiskita semua,” ujar Awang Haji Dayang lagi.

Antara atur cara yang berlangsung semasa majlis tersebut ialah ucapan-ucapan dari warga Penerangan sebelum dan selepas merdeka, Tayangan Mengusik Jiwa iaitu tayangan slaid yang menghimpunkan koleksi gambar-gambar menggambit gerak kerja warga Penerangan serta persembahan deklamasi sajak dan cabutan muhibah.

Bagi mantan warga Penerangan pula, menzahirkan syukur kerana sebahagian daripada mereka pernah terlibat dalam meraikan Ulang Tahun Penubuhan 50 Tahun Jabatan Penerangan pada tahun 2002, Ulang Tahun Penerbitan 50 Tahun Pelita Brunei serta beberapa kemajuan dan perkembangan lain yang telah dicapai oleh Jabatan Penerangan dalam era sebelum dan selepas merdeka.



*ANTARA warga Penerangan yang hadir mengambil kesempatan untuk mengabadikan gambar kenangan bersama dalam Majlis Reunion Warga Penerangan 2018 di Tarindak D'Seni (atas dan bawah).*



*SESI bergambar ramai semasa Majlis Reunion Warga Penerangan 2018 di Tarindak D'Seni.*

# Program Sua Muka kongsi maklumat semasa

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Hernie Suliana Haji Othman



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mempengerusikan Program Sua Muka di kediaman Ketua Kampung Mumong ‘A’, Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin yang juga Pemangku Ketua Kampung Mumong ‘B’.**

**B**EIAIT, Sabtu, 20 Oktober. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait mengadakan Program Sua Muka atau dikenali dengan *Personal Contact* di kediaman Ketua Kampung Mumong ‘A’ yang juga Pemangku Ketua Kampung Mumong ‘B’.

Mengetuai rombongan, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat dan Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Turut hadir Ketua Kampung Mumong ‘A’, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin yang juga Pemangku Ketua Kampung Mumong ‘B’, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK); Ahli-ahli Biro Wanita Kampung tersebut serta pada penduduk kedua buah kampung berkenaan.

Tujuan program antaranya untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan untuk difahami, disokong dan dihayati secara berkesan itu juga merupakan platform bagi mendapatkan isu-isu, pendapat dan cadangan yang perlu diambil perhatian serta tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan.

Dalam masa yang sama, program juga dihasratkan untuk membarigakan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung, terutamanya tempat dan produk untuk diperkenalkan kepada orang ramai, dalam dan luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) untuk disiarkan di Pelita Brunei.



AHLI-AHLI Majlis Perundingan Kampung Mumong ‘A’ dan Mumong ‘B’ menyuarakan isu-isu yang perlu diambil perhatian pada Program Sua Muka Jabatan Penerangan bagi Kampung Mumong, Daerah Belait.



SEORANG kakitangan Jabatan Penerangan membarigakan mengenai aplikasi mudah alih InfoDeptBN kepada Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Mumong ‘A’ dan Mumong ‘B’ yang menghadiri Program Sua Muka tersebut.

Program berkenaan turut mengongsikan cara menangani maklumat berkaitan berita palsu yang boleh menjelaskan ketenteraman, menimbulkan kekeliruan serta ketakutan kepada orang ramai; penggunaan bendera negara semasa hari-hari kebesaran dengan cara yang betul dan memastikan bendera tidak pudar warnanya termasuk gambar wajah Raja yang perlu dijaga dengan baik.

Juga dikongsikan ialah Aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan ‘InfoDeptBN’ seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi ‘InfoDeptBN’ melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS; menekankan kepentingan kebersihan selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2018 yang memberikan perhatian serius mengenai isu kebersihan, khususnya pembersihan Brunei daripada sampah dan kotoran serta akta mengenainya.

## Program Awasi Anak Kitani tingkat kesedaran ibu bapa

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani bagi Mukim Bokok anjuran Jabatan Penerangan bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bakok, Daerah Temburong.

**T**EMBURONG, Khamis, 18 Oktober. - Melalui Program Awasi Anak Kitani, masyarakat mukim dan kampung khususnya yang mempunyai anak-anak remaja akan mendapat ilmu pengetahuan yang boleh membantu mereka mengawasi serta bertindak jika menyedari perbuatan anak-anak mereka yang mencurigakan.

Ibu bapa atau penjaga juga diharap supaya akan sentiasa berbincang dengan anak-anak supaya akan dapat menjalinkan hubungan baik antara keluarga, masyarakat dan orang ramai.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku Pengurus Majlis pada Program Awasi Anak Kitani (AAK) yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Program tersebut merupakan anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Temburong bagi Mukim Bokok dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok.

Taklimat pertama disampaikan oleh wakil JKDN mengenai tugas dan tanggungjawab jabatan berkenaan termasuk isu-isu keselamatan dalam negeri di bawah pantauannya.

Sementara taklimat mengenai ancaman dan jenayah siber disampaikan oleh Pegawai Operasi dari Syarikat ITPSS Sdn. Bhd, Pengiran Mohd. Farrid Zulhusni bin Pengiran Aziz dengan tajuk Menjaga Anak-anak Awda Selamat Dalam Talian.

Turut dikongsikan ialah tip pengguna bijak dalam penggunaan teknologi termasuk panduan ibu bapa dalam mengawasi penggunaan IT dalam kalangan anak-anak.

Manakala Pegawai Narkotik, Awang Wasli bin Haji Tuah menyampaikan taklimat mengenai keburukan gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat yang semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius.

Taklimat tersebut juga turut berkongsi maklumat dalam menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat tersebut.

Program dihadiri seramai 119 orang yang terdiri daripada ketua-ketua kampung dari mukim berkenaan, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Takmir Masjid dan Muslimah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta para penduduk dari mukim tersebut.



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok semasa menyaksikan pameran daripada BKN.**



*AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok semasa menyaksikan pameran buku-buku terbitan Jabatan Penerangan yang dijual kepada orang ramai.*



*ANTARA yang hadir pada Program Awasi Anak Kitani.*

# Sharellyn Johnny juara Kuiz ASEAN Peringkat Negara 2018

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Oktober. - Dayang Sharellyn binti Johnny dari Saint Angela's Convent School dinobatkan sebagai juara Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara Kali Kelapan 2018 yang berlangsung di Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Dayang Siti Nur Insyirah binti Sahali dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali (Pusat Tingkatan Enam) meraih naib juara, manakala Dayang Nurul Hidayatul Najibah binti Haji Maidin dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah mendapat tempat ketiga.

Ketiga-tiga pelajar tersebut akan mewakili negara ke Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Kelapan yang akan diadakan di Bali, Republik Indonesia pada bulan Disember nanti.

Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Timbalan Pengerusi Bersama, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Sementara itu, hadiah sagu hati disampaikan oleh Penolong Pengarah, Pendidikan Kokurikulum selaku Timbalan Pengerusi Bersama, Awang Mohamad Norilham bin Haji Jais.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan selaku Timbalan Pengerusi Bersama, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan hadiah kepada juara, Dayang Sharellyn binti Johnny dari Saint Angela's Convent School.



*PARA pelajar ketika menjawab soalan pada Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara Kali Kelapan 2018.*

Dayang Sharellyn berkata, soalan kuiz berkenaan agak mencabar, namun beliau gembira kerana dapat menjawab kebanyakan soalan yang diberikan.

“Saya berharap kami dapat melakukan yang terbaik bagi mewakili negara di peringkat serantau nanti,” katanya kepada Pelita Brunei.

Kuiz ASEAN tersebut merupakan salah satu projek yang diadakan dua tahun sekali oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COICI Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Seramai 10 penuntut menyertai pertandingan itu, termasuk penuntut dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Sayyidina Ali dan Sekolah Menengah Rimba Gadong.

Tujuan pertandingan antaranya adalah untuk membarigakan maklumat mengenai ASEAN kepada penuntut sekolah.

Penglibatan remaja dalam kegiatan ASEAN adalah sebagai salah satu cara untuk membentuk generasi pelapis bagi mewarnai corak peradaban bangsa.

Pencapaian terbaik Negara Brunei Darussalam di Kuiz ASEAN Peringkat Serantau ialah ketika meraih tempat ketiga pada tahun 2014 di Vientiane, Viet Nam.



*PARA peserta Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Negara Kali Kelapan 2018 bergambar ramai bersama tetamu kehormat.*



TIGA pelajar yang akan mewakili negara ke Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Kali Kelapan yang akan diadakan di Bali, Republik Indonesia pada bulan Disember.

## Program AAK Mukim Pengkalan Batu

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan  
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said



PENGHULU Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Tahir bin Haji Tarip hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani (AAK). Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari selaku Ketua Kampung Limau Manis.

**PENGKALAN BATU**, Isnin, 8 Oktober. - Program Awasi Anak Kitani (AAK) anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan bagi Mukim Pengkalan Batu dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd. diadakan di Dewan IBTE Agro-Technology Kampus Jalan Wasan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Tahir bin Haji Tarip.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari selaku Ketua Kampung Limau Manis.

Juga hadir ialah ketua-ketua kampung dari mukim berkenaan, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Takmir Masjid dan Muslimah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta penduduk mukim tersebut.

Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhtaddir selaku Pengerusi Program AAK dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa matlamat negara, ‘bebas dadah dan gejala sosial’ itu hanya dapat dicapai dengan penglibatan semua masyarakat.

Menurutnya, masyarakat positif memainkan peranan yang penting untuk terus melindungi orang yang kita kasihi daripada dadah dan gejala sosial.

Disebabkan itu penting bagi ibu bapa membina hubungan yang kuat bersama anak-anak mereka dan bercakap tentang gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, ujar beliau.

Program berkenaan didahului dengan taklimat dari BKN yang disampaikan oleh Pegawai Narkotik, Awang Wasli bin Haji Tuah, menerangkan mengenai keburukan gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat yang semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius.

Manakala taklimat kedua disampaikan oleh JKDN yang menyentuh mengenai tugas dan tanggungjawab jabatan berkenaan termasuk isu-isu keselamatan dalam negeri di bawah pantauannya.



***ANTARA penduduk Mukim Pengkalan Batu yang hadir pada Program Awasi Anak Kitani.***

Taklimat ketiga disampaikan oleh Pegawai Operasi dari Syarikat IT Protective Security Services (ITPSS) Sdn. Bhd., Pengiran Mohd. Farrid Zulhusni bin Pengiran Aziz, bertajuk '*Keeping your children safe online*'. Taklimat tersebut mengongsikan mengenai ancaman dan jenayah siber juga tip pengguna bijak dalam penggunaan teknologi termasuk panduan ibu bapa dalam mengawasi penggunaan IT dalam kalangan anak-anak.

Sesi soal jawab juga diadakan selepas taklimat bagi menguatkan lagi kefahaman 60 peserta program tersebut.



*Sesi soal jawab juga diadakan selepas taklimat.*

## Peristiwa penting Jabatan Penerangan

**P**ELITA Brunei keluaran 11 Oktober 1989, Jabatan Penerangan menduduki tempat ketiga Kejohanan Bola Sepak Tujuh Orang Sepasukan setelah menumpaskan Suruhanjaya Perkhidmataww Awam 2-0.

Jaringan kemenangan dibuat oleh Manaf Haji Abd. Rahman dan Abd. Rahman bin Haji Kalong.

Juara disandang oleh RTB 'B' setelah menumpaskan rakan sepasukan mereka RTB 'A' dengan jaringan 1-0 dalam perlawanan akhir.

**Penerangan  
kalahkan  
SPA 2 — 0**

BAHAGIAN Penerangan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan menduduki tempat ketiga kejohanan bolasepak tujuh orang sepasukan setelah menumpaskan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 2-0 dalam perlawanan menentukan tempat ketiga yang berlangsung di Padang Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Jumaat lepas.

Jaringan kemenangan itu dibuat oleh Manaf Haji Abd Rahman dan Abd Rahman Haji Kalong.

Juara disandang oleh RTB 'B' setelah menumpaskan rakan sepasukan mereka RTB 'A' 1-0 dalam perlawanan akhir.

Kejohanan anjuran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam itu disertai oleh sejumlah 18 buah jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

## Pedoman

“Dan Nabi Noh berkata (kepada pengikut-pengikutnya yang beriman): Naiklah kamu sekalian ke dalamnya (bahtera) dengan menyebut nama Allah ketika belayar dan berlabuhnya, sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih”  
 - (Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Hud, ayat 41).

# Kukuhkan kerjasama di bidang penerangan

Berita dan Foto: Rombongan Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Oktober.- Rombongan yang terdiri daripada empat orang pegawai dari Jabatan Penerangan dan empat orang Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ke Malaysia bagi menyertai Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam serta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung selama enam hari bermula pada 21-26 Oktober 2018. Rombongan diketuai oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Aturcara program disediakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia yang bermula dengan Majlis Makan Malam meraikan ketibaan rombongan dari Negara Brunei Darussalam yang diberikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Mohd. Sukari bin Hamid di Hotel Pullman Lakeside, Putrajaya.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Mohd. Sukri bin Hamid disusuli dengan ucapan balas oleh Ketua Rombongan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya. Majlis Makan Malam diserikan lagi dengan persembahan PENTARAMA oleh artis-artis dari Jabatan Penerangan Malaysia.

Rombongan berada di Pahang selama tiga hari dan kemudian meneruskan program di Terengganu selama dua hari. Atur cara Program Pertukaran yang disediakan sangat padat meliputi taklimat, lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan tarikan pelancong, Pusat Transformasi Bandaraya (UTC) Pahang, Muzium Sungai Lembing dan Lombong-Lombong Biji Timah Bawah Sungai Lembing, Pahang dan melawat ke Mufakat Komuniti Malaysia (MKM) Kampung Orang Asli Sungai Enggang, Temerloh dan MKM Sungai Lembing, Kuantan, Pahang.



*BERGAMBAR ramai sebelum berlepas ke Malaysia.*



*MAJLIS Makan Malam meraikan ketibaan rombongan dari Negara Brunei Darussalam yang diberikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Mohd. Sukari bin Hamid.*

Di Negeri Terengganu, rombongan melawat ke Taman Tamadun Islam, Pulau Wan Man, Kompleks Kraf Noor Arfa, Stesen Radio Negeri Terengganu, Pasar Besar Kedai Payang dan ke MKM Kampong Fikri, Setiu.

Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam serta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung ke Malaysia adalah salah satu program yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknik dalam bidang Penerangan dan Penyiaran di antara kedua buah negara yang antara lain bertujuan untuk mengeratkan dan mengukuhkan lagi kerjasama di bidang penerangan yang sudah sedia wujud.

Selain itu, memberikan pendedahan kepada pegawai-pegawai penerangan dan Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung mengenai program-program penerangan yang dapat dikongsi sama yang menjurus kepada kemasyarakatan dan kenegaraan, perhubungan awam, media cetak serta produk-produk kampung yang dihasilkan di antara kedua buah negara.

Program pertukaran pegawai hasil daripada Memorandum Persefahaman (MoU) sejak tahun 1992 merupakan program kerjasama berterusan di antara Jabatan Penerangan Malaysia dengan Brunei.



*KETERUJAAN lebih terasa apabila rombongan berada di konti Terengganu.fm.*



*LAWATAN juga diadakan di Pusat Transformasi Bandaraya (UTC) Kuantan, Pahang.*



*ROMBONGAN bergambar ramai bersama Muafakat Komuniti Kampong Fikri, Terengganu.*



*ROMBONGAN mengadakan lawatan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang.*

# Ulang tayang Lagenda Puteri Bukit Tempayan Pisang

Berita dan Foto: Ihsan Deen



*PENYAMPAIAN cenderamata kepada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar oleh Penasihat PeSTAB, Pengiran Hajah Maskuin binti Pengiran Mohammad.*

**B**ERAKAS, Isnin, 29 Oktober. - Penggiat Seni Tanah Air (PeSTAB) menayangkan kembali filem Lagenda Puteri Bukit Tempayan Pisang di Auditorium Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama.

Hadir sebagai tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Bacaan Surah Al-Fatihah dimulakan yang diketuai oleh Pengiran Aliuddin bin Pengiran Jamaluddin bagi dua artis filem Lagenda Puteri Bukit Tempayan Pisang yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat oleh Penasihat PeSTAB, Pengiran Hajah Maskuin bin Pengiran Mohammad.

Filem tersebut berdurasi 1 jam 40 minit cuba menampilkan cerita legenda Brunei dengan memasukkan elemen-elemen kebruneian seperti syair, tarian, puisi, peralatan, lagu-lagu dan pakaian Brunei.

Cerita ini menggunakan tiga bahasa iaitu bahasa Brunei, bahasa Melayu Standard dan bahasa Purba. Mesej yang cuba disampaikan melalui filem ini ialah bila kita berhasrat untuk mendapatkan sesuatu mestilah rajin berusaha, penuh keyakinan dan tetap bersemangat walaupun beberapa halangan yang datang menimpa seperti adegan Radat yang berhasrat untuk menemui Puteri Bunian.

Lebih kurang 60 penonton hadir menyaksikan ulang tayang filem itu.

Filem tersebut mula diulang tayang pada 26 Oktober hingga 18 November nanti, bertempat di Auditorium Jabatan Penerangan.

Waktu tayangan ialah pukul 3.00 petang, 5.00 petang, 7.00 malam dan 9.00 malam pada hari Jumaat dan Ahad. Pada hari Isnin hingga Sabtu pukul 5.00 petang, 7.00 malam dan 9.00 malam.

Harga tiket bernilai BND5.00 dan 30 peratus daripada hasil jualan tiket berkenaan akan disumbangkan kepada Persatuan SMARTER Brunei.



SESI bergambar ramai pada tayang ulang filem Lagenda Puteri Bukit Tempayan Pisang di Auditorium Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

## Penglibatan Jabatan Penerangan dalam Hari Perkhidmatan Awam

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 31 Oktober. - Bagi menghargai jasa yang dicurahkan oleh warga Perkhidmatan Awam, satu Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-25 Tahun 2018 diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Warga Jabatan Penerangan tidak ketinggalan terlibat dalam majlis kemuncak tersebut bagi sama-sama mendukung dan berfikiran secara proaktif serta menerima perubahan demi kemajuan di masa akan datang.



WARGA Jabatan Penerangan juga sama-sama terlibat dalam Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-25.

### Penempatan kerja bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan pada bulan ini

NAMA	JAWATAN	PENEMPATAN KERJA	TARIKH
Noraishah binti Muhammed	Penolong Penyunting Tingkat III	Radio Televisyen Brunei	22 Oktober-3 November 2018



مقرنلکن اقليکاسي موده اليه جابتن فرعن

Memperkenalkan

**Aplikasi Mudah Alih  
Jabatan Penerangan**



**Langkah 1**  
**CARI APLIKASI & MUAT TURUN**  
Ada dua cara mendapatkan Aplikasi Mudah Alih ini ke dalam peranti awda, iaitu melalui Google Playstore (Android) dan App Store (iOS).

Pilih InfoDeptBN untuk memuat turun dan tekan "Install" dan "Open".

  
Imbas pautan KodQR

  


**Langkah 2**  
**PELANCARAN APLIKASI**  
Ilu sahaja Sekarang awda boleh pergi ke menu dan melancarkan aplikasi yang telah dimuat turun.

  
2



[www.penerangan.gov.bn](http://www.penerangan.gov.bn) | [www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn) | [www.peltabrunei.gov.bn](http://www.peltabrunei.gov.bn) | [www.infototo.gov.bn](http://www.infototo.gov.bn)



**InfoDeptBN**  
Aplikasi Mudah Alih  
Jabatan Penerangan

**CARA MUAT TURUN  
APLIKASI MUDAH ALIH JABATAN PENERANGAN  
DALAM 2 LANGKAH**

**LANGKAH 1**  
**CARI APLIKASI & MUAT TURUN**  
Ada dua cara mendapatkan Aplikasi Mudah Alih ini ke dalam peranti awda, iaitu melalui Google Playstore (Android) dan App Store (iOS).

Pilih InfoDeptBN untuk memuat turun dan tekan "Install" dan "Open".

  
Imbas pautan KodQR

  


**Langkah 2**  
**PELANCARAN APLIKASI**  
Ilu sahaja Sekarang awda boleh pergi ke menu dan melancarkan aplikasi yang telah dimuat turun.

  
2



[www.penerangan.gov.bn](http://www.penerangan.gov.bn) | [www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn) | [www.peltabrunei.gov.bn](http://www.peltabrunei.gov.bn) | [www.infototo.gov.bn](http://www.infototo.gov.bn)

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mula menjual buku-buku terbitan berikut iaitu Himpunan Titah, Himpunan Sabda, Kompilasi Sabda Anakanda, Haluan, Brunei Darussalam Negaraku dan juga buku daerah-daerah (Daerah Tutong dan Daerah Temburong).

Orang ramai bolehlah mendapatkan buku-buku berkenaan dari Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan dan juga Cawangan-cawangan Penerangan di setiap daerah.

Untuk makluman, waktu perniagaan penjualan buku-buku adalah seperti berikut:

Isnin hingga Khamis mulai pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari  
2.00 petang hingga 3.00 petang  
Sabtu mulai pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi

# جوان بوكو تربيتن جابتنه فرغعن

## JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

HIMPUNAN TITAH	
Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00

HIMPUNAN SABDA	
Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00

HALUAN	
Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50

**KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016**

Harga \$3.50

**BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2015 - 2016**

Harga \$11.50

**TUTONG DISTRICT**

Harga \$3.50

**IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN**

JABATAN PENERANGAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
LAPANGAN TERBANG LAMA,  
BERAKAS, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400  
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:  
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,  
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

**CAWANGAN DAERAH TEMBURONG**

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,  
BANGAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

**CAWANGAN DAERAH TUTONG**

BANGUNAN JABATAN-JABATAN  
DAERAH TUTONG, TA1314,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

**CAWANGAN DAERAH BELAIT**

PEJABAT PENERANGAN  
SERIA JALAN BOKIAH, SERIA,  
KB4333, DAERAH BELAIT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636

Layari ePaper  
Pelita Brunei

Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept\_bn

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
<http://infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN**



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel: 2383400 Faks: 2382242**